

TARIKH	08 / 07 / 2014	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	15	RUANGAN	

Simpanan TH RM50 bilion daripada 8.4 juta pendeposit

KUALA TERENGGANU - Lembaga Tabung Haji (TH) mempunyai kira-kira RM50 bilion jumlah simpanan daripada keseluruhan 8.4 juta pendepositnya di seluruh negara.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Ghazali Awang berkata, simpanan yang diterima TH setiap tahun daripada pendeposit baharu ialah kira-kira RM5 juta di 120 cawangannya.

"Tabung Haji menerima banyak penyimpan baharu setiap kali selepas pengumuman dividen," katanya kepada

pemberita selepas majlis sumbangan zakat program Ehsan TH di Seberang Takir dekat sini semalam.

Mengenai program Ehsan TH, Ghazali menjelaskan, TH menasarkankan agihan zakat berjumlah RM1.7 juta kepada seramai 3,424 asnaf miskin dan fakir di seluruh negara pada tahun ini.

"Walaupun sumbangan daripada pihak kami tidak begitu besar, namun diharap ia mampu meringankan beban golongan itu yang sangat memerlukan," ujar beliau.